



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENEROKA AMALAN KAUNSELING PERSPEKTIF ISLAM DALAM KALANGAN KAUNSELOR

NORAIMI AAINAA BINTI OMAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(BIMBINGAN DAN KAUNSELING)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian adalah untuk meneroka pengetahuan, amalan dan cabaran kaunseling perspektif dalam perkhidmatan kaunselor. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan rekabentuk kajian kes untuk meneroka amalan kaunseling perspektif Islam dalam kalangan kaunselor. Kaedah temu bual separa berstruktur ke atas enam orang peserta telah dijalankan dalam proses pengumpulan data bagi membolehkan proses triangulasi data dijalankan. Melalui analisis tematik, sebanyak sembilan tema telah terhasil iaitu proses terapeutic yang berlandaskan syariat, pendekatan kaunseling perspektif Islam yang integratif, karakter kaunselor berdasarkan Quran dan Sunnah, kepelbagaian pendekatan perspektif Islam dalam setiap tahap kaunseling, asimilasi kemahiran kaunseling Islam dan konvensional, persepsi masyarakat mengenai kaunseling perspektif Islam, cabaran pengisian dan aplikasi kaunseling perspektif Islam, cabaran dari segi pengamal kaunseling dan cabaran dari klien sendiri. Dapatan kajian ini memperlihatkan amalan kaunseling Islam sebagai amalan yang integratif, dinamik dan komprehensif. Kajian ini secara khusus menjadi satu medium bagi pengamal untuk meningkatkan tahap keilmuan, pengetahuan dan kemahiran mereka berkaitan amalan kaunseling perspektif Islam.





EXPLORING THE PRACTICE OF ISLAMIC PERSPECTIVE COUNSELING AMONG COUNSELORS

ABSTRACT

The purpose of the study is to explore the knowledge, practices and challenges of Islamic perspectives counseling in counselor services. This study uses a qualitative approach with case study method to explore the practice of Islamic perspectives counseling among counselors. Semi-structured interviews were conducted with six participants in the data collection process to enable triangulation of data. Through thematic analysis, nine themes have been developed, namely syariat based therapeutic process, integrative approach of Islamic perspective counseling, counselor characters based on Quran and Sunnah, diversity of Islamic perspective approach in each stages of counseling, assimilation of Islamic and conventional counseling skills, community perception about Islamic perspectives counseling, challenges on content and application of Islamic perspective counseling, challenges in terms of counseling practitioners and challenges from clients themselves. The findings of this study show the practice of Islamic counseling as an integrative, dynamic and comprehensive practice. This study particularly acts as a medium for practitioners to increase their level of understanding, knowledge and skills regarding the practices of Islamic perspectives counseling.





KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Penyataan Masalah	7
1.4	Tujuan Kajian	16
1.5	Objektif Kajian	17
1.6	Soalan Kajian	17



1.7	Kepentingan Kajian	18
1.7.1	Kepentingan kepada Perkembangan Ilmu dan Teori	18
1.7.2	Kepentingan kepada Perkembangan Amalan Bimbingan dan Kaunseling	19
1.7.3	Kepentingan Kepada Masyarakat	20
1.8	Skop Dan Batasan Kajian	21
1.9	Kerangka Kajian	22
1.10	Definisi Konsep Dan Operasional	25
1.10.1	Amalan Kaunseling	25
1.10.2	Kaunseling Perspektif Islam	28
1.10.3	Kaunselor Muslim	31
1.11	Rumusan	33

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	34
2.2	Amalan Kaunseling dan Kaunseling Agama	35
2.2.1	Kemahiran dalam Amalan Kaunseling	46
2.2.2	Teknik dalam Amalan Kaunseling	51
2.2.3	Proses dalam Amalan Kaunseling	56
2.3	Kaunseling Perspektif Islam	73
2.4	Rumusan	86

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	88
3.2	Rasional Menggunakan Kaedah Kualitatif	89
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	91
3.4	Kriteria Peserta Kajian	93
3.5	Instrumen Kajian	95
3.5.1	Temu Bual	96
3.5.1.1	Soalan Protokol Temu Bual Untuk Peserta Kajian	98
3.6	Peranan Pengkaji	102
3.6.1	Refleksiviti Pengkaji	102
3.6.2	Pengkaji Dalaman atau Luaran	105
3.6.3	Subjektiviti Pengkaji	106
3.6.4	Suara Peserta	108
3.7	Strategi Untuk Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kaedah Kualitatif (Trustworthiness)	109
3.7.1	Jurnal Refleksi	110
3.7.2	Memo	111
3.7.3	Semakan Rakan (Member Checking)	113
3.7.4	Triangulasi	114
3.7.5	Jejak Audit	115
3.7.6	Penggunaan Auditor Bebas	116
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	118
3.8.1	Memasuki Lapangan	118

3.8.2	Strategi Memastikan Keselamatan Dan Maklumat Sulit Peserta Terjaga	120
3.8.2.1	Menyediakan borang persetujuan termaklum	120
3.8.2.2	Strategi penyimpanan	121
3.8.3	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	121
3.9	Sumber Data	123
3.10	Proses Pengekodan Data	125
3.11	Analisis Data	126
3.12	Rumusan	131

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	132
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian	133
4.2.1	Latar Belakang Peserta Kajian Pertama	133
4.2.2	Latar Belakang Peserta Kajian Kedua	134
4.2.3	Latar Belakang Peserta Kajian Ketiga	135
4.2.4	Latar Belakang Peserta Kajian Keempat	136
4.2.5	Latar Belakang Peserta Kajian Kelima	136
4.2.6	Latar Belakang Peserta Kajian Keenam	137
4.3	Pengetahuan Kaunselor Tentang Kaunseling Perspektif Islam	138
4.3.1	Merupakan Satu Proses Terapeutik Yang Berlandaskan Syariat Dan Tanggungjawab	140
4.3.2	Berteraskan Pendekatan Kaunseling Perspektif Islam Yang Intergratif	150

4.3.3	Menampilkan Karakter Kaunselor Berdasarkan Quran Dan Sunnah	155
4.4	Amalan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Sesi Kaunseling	159
4.4.1	Kepelbagaian Pendekatan Perspektif Islam Dalam Setiap Tahap Kaunseling	160
4.4.2	Asimilasi kemahiran kaunseling Islam dan konvensional	181
4.5	Cabaran Yang Dihadapi Kaunselor Berkaitan Amalan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Perkhidmatan	188
4.5.1	Persepsi masyarakat mengenai kaunseling perspektif Islam serta proses	189
4.5.2	Cabaran pengisian dan aplikasi kaunseling perspektif Islam	192
4.5.3	Cabaran dari segi pengamal kaunseling	195
4.5.4	Cabaran dari klien sendiri	204
4.6	Rumusan	208

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	212
5.2	Ringkasan Kajian	213
5.3	Perbincangan Kajian	215
5.3.1	Perbincangan Kajian Mengenai Pengetahuan Kaunselor Tentang Amalan Kaunseling Perspektif Islam	215
5.3.2	Perbincangan Mengenai Amalan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Sesi Kaunseling	221
5.3.3	Perbincangan Mengenai Cabaran Amalan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Perkhidmatan Kaunselor	235



5.4	Implikasi Kajian	242
5.4.1	Implikasi Terhadap Bidang Keilmuan Kaunseling	243
5.4.2	Implikasi Terhadap Amalan Kaunseling	245
5.4.3	Implikasi Kepada Pengamal Kaunseling dan Klien	246
5.4.4	Implikasi Terhadap Institusi Kaunseling	247
5.5	Signifikan Kajian	249
5.6	Cadangan Penyelidikan Pada Masa Akan Datang	251
5.7	Rumusan	252

RUJUKAN

253

LAMPIRAN



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.6.1 Tiga Ciri Jurnal Refleksi	103
3.7 Strategi Untuk Memastikan Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif	117
4.3.1 Triangulasi Soalan Kajian Satu Tema Satu	150
4.3.2 Triangulasi Soalan Kajian Satu Tema Dua	155
4.3.3 Triangulasi Soalan Kajian Satu Tema Tiga	159
4.4.1 Triangulasi Soalan Kajian Dua Tema Satu	180
4.4.2 Triangulasi Soalan Kajian Dua Tema Dua	187
4.5.1 Triangulasi Soalan Kajian Tiga Tema Satu	192
4.5.2 Triangulasi Soalan Kajian Tiga Tema Dua	195
4.5.3 Triangulasi Soalan Kajian Tiga Tema Tiga	204
4.5.4 Triangulasi Soalan Kajian Tiga Tema Empat	208

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	24
3.11 Tiga C's untuk Data Analisis : Kod, Kategori dan Konsep	127
3.11.1 Proses Memasukkan Kod Awal	128
4.3 Tema Dan Kategori Bagi Soalan Kajian 1: Pengetahuan Kaunselor Tentang Kaunseling Perspektif Islam	140
4.4 Tema Dan Kategori Bagi Soalan Kajian 2: Amalan Kaunseling Perspektif Islam dalam Sesi Kaunseling	161
4.4.1 Tema Satu, Kategori dan Subkategori bagi Soalan Kajian 2: Kepelbagaian Pendekatan Perspektif Islam dalam Setiap Tahap Kaunseling	162
4.5 Tema Dan Kategori Bagi Soalan Kajian 3: Cabaran yang Dihadapi Kaunselor Berkaitan Amalan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Perkhidmatan	189
4.6 Ringkasan Dapatan Keseluruhan Meneroka Amalan Kaunseling Perspektif Islam Dalam Kalangan Kaunselor	211

SENARAI SINGKATAN

ACA	<i>American Counseling Association</i>
APA	<i>American Psychological Association</i>
ASERVIC	<i>Association for Spiritual, Ethical and Religious Values in Counseling</i>
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PKMAINS	Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan

t.th Tanpa Tahun

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kebenaran Menjalankan Kajian
- B Protokol Temu Bual
- C Surat Pengenalan atau *Intoductory Letter*
- D Borang Persetujuan Termaklum Peserta Kajian
- E Senarai Semak Kaunseling Perspektif Islam
- F Kebenaran Peserta Kajian
- G Contoh Transkrip Temu Bual
- H Buku Kod Awal
- I Analisis Kod
- J Pengesahan Transkrip Temu Bual Peserta



BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa tajuk dalam kajian ini meliputi latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan kajian, kerangka kajian, definisi konsep dan operasional dan rumusan bagi bab.





1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang kaunseling merupakan salah satu bidang yang mula mendapat perhatian dalam membantu kemenjadian pelajar yang berdepan dengan pelbagai masalah yang meruncing. Kaunseling adalah satu usaha kolaborasi antara kaunselor dan juga klien. Kaunselor profesional membantu klien mengenal pasti matlamat dan potensi penyelesaian kepada masalah yang menyebabkan ketidakstabilan emosi, membantu untuk meningkatkan kemahiran komunikasi dan adaptasi, menguatkan estim sendiri dan juga mempromosi perubahan tingkah laku dan kesihatan mental yang optimal (American Counseling Association, 2016). Kaunseling juga dikatakan sebagai satu pakatan antara kaunselor dan klien yang perlu dijalankan dalam satu proses (Dryden, 2011).



Lantaran itu, kaunseling juga merupakan bidang yang memerlukan kepakaran dalam pelaksanaannya. Kepakaran kaunselor meliputi pengetahuannya dalam pengendalian sesi dengan cara yang betul, proses-proses kaunseling dan juga penggunaan teori yang dirasakan bersesuaian dengan fahaman dirinya dan pengaplikasian terhadap klien (Malek Muhamat, 2006). Fungsi utama kaunselor adalah sebagai pembantu dan penunjuk jalan kepada klien supaya klien mampu keluar dari kebuntuannya dan seterusnya dapat berfungsi dengan baik (Amaludin, 2008).

Keperluan untuk perkhidmatan kaunseling pula adalah amat tinggi. Nursyamimi Saidi dalam Berita Harian (2014) melaporkan keperluan kaunseling bukan sahaja di sekolah dan hospital tetapi perkhidmatan ini mendapat tempat dalam kebanyakan





organisasi sebagai salah satu keperluan utama dalam melengkapkan penyaluran perkhidmatan kepada kumpulan sasar masing-masing. Keperluan kaunseling juga menurut laporan berita ini meliputi permasalahan perkahwinan, rumah tangga, hubungan suami isteri hinggalah kepada permasalahan dalam dunia pekerjaan meliputi masalah komunikasi di pejabat, motivasi pekerja, serta gangguan emosi, memerlukan khidmat kaunseling untuk memulihkan anggota masyarakat.

Dalam kajian oleh Suradi Salim (1994) berkaitan keperluan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, terdapat keperluan yang tinggi berkaitan bidang-bidang pelajaran dan vokasional, kemahiran belajar, kerjaya, pemahaman diri, peribadi, sosial, kesihatan dan fizikal, kewangan dan tempat tinggal serta antara keperluan utama dalam kaunseling yang mencatatkan keperluan yang tinggi adalah kerohanian dan moral. Hal ini memperlihatkan keperluan kaunseling juga mencakupi bidang kerohanian dan juga moral. Perkara ini secara langsung berkait dengan kesejahteraan individu.

Agama atau dalam bahasa Inggeris disebut 'religion' berasal dari perkataan Latin 'religio' yang bermaksud perhubungan antara manusia dengan sesuatu yang melebihi kekuasaan manusia. Elemen agama juga dikupas dari perspektif seorang psikologis barat, William James yang menyatakan agama merupakan satu bentuk perasaan, tindakan dan pengalaman seseorang yang menganggapnya sebagai sesuatu yang bersifat ketuhanan dan dizahirkan sama ada secara moral, ritual mahupun fizikal (James, 2004). Richards, Bartz, dan O'Grady (2009) pula menyatakan terma agama dan keagamaan dirujuk sebagai kepercayaan, praktis, perlakuan dan perasaan yang dizahirkan dalam seting institusional





ataupun cara yang melibatkan kesepunyaan seperti menghadirkan diri ke gereja, masjid ataupun penglibatan dalam ritual keagamaan umum.

Manakala dari perspektif pengkaji Islam itu sendiri tidak jauh tafsirannya dengan tafsiran psikologis Barat di atas yang mana agama atau ad-Deen dikatakan sebagai sistem institusional atau personal, susunan kepercayaan, amalan, ritual atau cara penyembahan (Ahmad dan Khan, 2016). Begitu juga pandangan daripada Mohamed Hatta (2016) yang menyatakan agama adalah merujuk kepada banyak aspek tentang aktiviti keagamaan, dedikasi dan kepercayaan atau doktrin agama. Menurut beliau lagi, agama dianuti oleh dua jenis manusia dengan niat yang tulus dan jujur ataupun penunggang agama yang mempunyai niat jahat.



Berbalik kepada isu agama, spiritual dan kaunseling, keperluan kaunseling memperlihatkan kecenderungan dalam bidang kerohanian, keagamaan atau moral sebagai salah satu bidang yang memerlukan perhatian. Kaunseling keagamaan telah pun wujud sejak 1930an lagi dengan terdapatnya artikel yang ditulis berhubung kaunseling dan juga agama (Powers, 2005). Kajian demi kajian dilihat mulai rancak dilakukan berhubung perhubungan antara kedua-dua bidang ini yang mula memperlihatkan perhubungan yang signifikan antara kedua-duanya (Watss, 2001; Weinstein, Parker, & Archer, 2002).

Kajian lain oleh Bergins (1988) berkaitan orientasi ke arah nilai keagamaan dan spiritual memberikan satu kerangka moral untuk rujukan terapi. Elemen spiritual dalam kaunseling penting kerana integrasi antara kedua elemen ini dilihat memberi hasil yang





positif (Grimm, 1994). Sebagai kaunselor, adalah perlu disedari bahawa agama memainkan peranan dalam sebahagian kecil atau besar pemikiran dan perasaan klien berhubung sesuatu isu (Weinstein et al., 2002). Hal ini juga selari dengan kajian oleh Park (2007) dan Benn (2001) yang menyatakan kesejahteraan menyeluruh individu dapat dipertingkatkan melalui amalan keagamaan dan spiritual.

Peranan dalam pemikiran dan perasaan klien berhubung sesuatu isu juga dikongsi bersama dengan elemen agama kerana kaunseling mempunyai hubungan langsung dengan agama itu sendiri (Khalif, 2012) walaupun kedua-dua elemen ini dilihat oleh Freud sebagai hasil daripada pengharapan diri dan fantasi semata-mata (Zinnbauer & Pargament, 2000). Namun demikian, kaunseling dilihat mempunyai pendekatan yang tidak jauh berbeza daripada pendekatan agama, dan dalam konteks ini kita menggunakan konteks Islam sebagai agama yang syumul dan sempurna sebagai kayu ukur dalam aspek kaunseling yang mana aspek-aspek agama dan kerohanian manusia sangat jelas diterangkan dalam ayat al-Quran (At-Talaaq 65:2) yang bermaksud:

...Dan barang siapa yang bertaqwa kepada Allah, maka ia akan memberikan kepadanya jalan keluar (dari kesulitan) dan akan memberinya rezeki yang tiada ia duga dari mana berasal.





Malah, konsep kaunseling juga ada diperlihatkan dengan begitu indah melalui Firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud :

Dan hendaklah ada diantara kamu satu golongan yang menyeru kepada bakti dan mengarahkan kepada kebaikan dan menegah kepada kemungkaran dan mereka itu golongan yang beroleh kejayaan. (Quran, Ali Imran 3:104)

Hal ini diperkuat lagi dengan hadis daripada Rasulullah dalam riwayat Thabrani yang membawa maksud ‘Sebaik-baik manusia ialah yang bermanfaat kepada manusia.’ Perkara ini jelas menunjukkan konsep kaunseling dalam Islam itu sememangnya wujud dan tidak dipisahkan dari kehidupan malah digalakkan supaya membawa kesejahteraan kepada manusia. Sememangnya hal ini bukanlah satu bentuk rahsia atau tabu dalam masyarakat kerana agama digunakan sebagai asas dan pegangan kukuh untuk manusia bertindak disebabkan sekarang terlalu banyak peristiwa berlaku tanpa diduga dan sukar dikawal atau berlaku peristiwa-peristiwa luar biasa yang tidak diramalkan (Asmah Bee, 2004).

Namun demikian, kajian khusus tentang penerokaan amalan kaunseling perspektif Islam masih kurang dan kajian-kajian lalu banyak berfokus kepada kaunseling Islam secara umum sahaja berserta model-model manakala penekanan terhadap penerokaan amalan kaunseling perspektif Islam masih longgar dan kelompondan ini dilihat wajar untuk diteroka dan diisi supaya penambahan dan percambahan ilmu dan maklumat bagi para kaunselor dalam konteks negara kita dengan perspektif orang kita dan budaya serta agama





dapat dimantapkan dan seterusnya membuka jalan yang sangat besar bagi penambahbaikan dalam bidang kaunseling Islam kerana Islam itu sendiri bukanlah asing dan terpisah dari kehidupan.

Melihat kepada keperluan penerokaan amalan kaunseling itu sendiri dalam perpektif Islam dalam kalangan kaunselor, jadi suatu kajian yang memfokuskan isu ini dilihat sebagai relevan dalam konteks kaunseling dan juga ummah. Kajian ini secara langsung dapat memberi gambaran berkaitan amalan kaunseling melalui perspektif Islam dengan kupasan terus melalui subjek-subjek dalam negara ini dan seterusnya membuka ruang untuk kajian-kajian yang lebih terperinci dan mendalam dijalankan bagi menambahbaik implementasi amalan kaunseling perspektif Islam dalam perkhidmatan



bimbingan dan kaunseling kelak.

1.3 Penyataan Masalah

Elemen agama dalam proses kaunseling bukanlah sesuatu yang asing atau baru. Di barat, semakin banyak kajian dijalankan berhubung kaunseling berbentuk keagamaan (Watss, 2001; Miller, 1999) dan memperlihatkan kepentingan dan impak positif hasil daripada proses kaunseling berbentuk keagamaan yang berkesan (Chandler, Holden & Kolander, 1992; Zinnbauer & Pargament, 2000; Briggs, Akos, Czyszczon & Eldridge, 2011; Richards, Bartz & O'Grady, 2009). Malah, Carl Jung (dalam Palmer, 1997) pernah menyatakan bahawa :





Semuanya yang berkaitan dengan agama dan juga keyakinan itu menyentuh jiwa-jiwa manusia dengan begitu hampir yang mana dalam psikologi seharusnya tidak terlepas pandang berkaitan hal ini.

Malah, beberapa model dalam psikologi juga ada memasukkan elemen keagamaan dan spiritual dalam konsep manusia secara semulajadi sebagai contoh konsep Maslow (dalam Fernando, 2002) yang mengiktiraf elemen spiritual atau karakter kosmik dalam kehidupan manusia dan menganggapnya sebagai satu keberanian dan kesungguhan. Begitu pula dengan Roberto Assagioli (2006) dalam konsep psikosintesisnya yang menyatakan spiritual tidak hanya merujuk kepada pengalaman secara tradisional berhubung dengan agama tetapi merujuk kepada semua tingkat kesedaran, fungsi dan aktiviti manusia yang secara langsung berhubung dengan pegangan nilai yang lebih tinggi daripada biasa. Beliau juga menyatakan bahawa spiritual adalah sesuatu yang nyata, asas dan berbentuk fundamental. Hal ini menunjukkan betapa elemen agama dan spiritual telah pun diangkat dan diiktiraf secara langsung sebagai satu elemen yang amat penting dalam bidang psikoterapi dan kaunseling.

Elemen agama juga merupakan elemen penting dalam kehidupan seseorang kerana setiap individu di dunia ini mencari-cari makna kehidupan yang jelasnya datang dari kedua elemen ini. Agama juga menyediakan ruang dan peluang untuk individu bergerak ke hadapan walaupun dihujani pelbagai masalah dalam kehidupan mereka selain memberi satu bentuk sokongan terhadap diri mereka sendiri secara dalaman dan juga sokongan dari





luaran melalui komuniti agama (Miller, 1999). Kepentingan elemen agama ini sekaligus memberi indikator bahawa kaunselor perlu untuk berpengetahuan dan kompeten dalam hal-hal berkaitan kaunseling kegamaan. Oleh yang demikian, penambahan kajian seumpamanya dilihat amat penting bagi mencambahkan lagi pengetahuan para pengamal dalam bidang ini secara khusus dan efektif.

Selain itu, perkembangan penggunaan elemen agama dalam kaunseling juga menunjukkan peningkatan terhadap kesedaran untuk melihat pandangan Islam tentang kehidupan dan juga objektif dan nilai yang menjadi penentu tingkah laku manusia (Mumtaz F., 1992). Selain itu, menurut kajian oleh Gartner (1996); Larson et.al (1992) dan juga McCullough dan Larson (1999) menunjukkan bahawa komitmen dalam beragama banyak dikaitkan dengan hasil yang positif seperti peningkatan kebolehan mengatasi stres, mengurangkan kemurungan dan kerisauan, menurunkan kecenderungan membunuh diri dan perlakuan jenayah dan juga mengurangkan pengambilan dadah, alkohol dan tembakau.

Jika diamati dengan lebih mendalam, kaunseling itu sendiri bukanlah sesuatu yang terasing dalam dunia Islam kerana apabila kita melihat firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud :

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, sebahagian mereka adalah menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh mengerjakan yang makruf, mencegah dari yang mungkar. (Quran, At-Taubah 9:71)





Kita akan dapat menyedari bahawa fungsi kaunseling itu sendiri dalam Islam adalah amat penting untuk membantu dan membina akhlak serta penghidupan manusia ke arah yang lebih baik.

Dalam konteks kaunseling di negara kita, elemen agama dalam kaunseling juga bukanlah sesuatu yang luar dari kebiasaan. Salasiah Hanin Hamjah (2010) dalam kajiannya berhubung bimbingan spiritual menurut al-Ghazali dan hubungan dengan keberkesanannya dalam kaunseling menyatakan bahawa penerapan elemen spiritual dalam kaunseling telah menjadi sesuatu yang diiktiraf secara meluas oleh pengamal kaunseling. Kajian beliau berhubung perbincangan berkenaan praktis agama dalam kaunseling juga memperlihatkan terdapat keperluan untuk membincangkan praktis agama dalam kaunseling dan terdapat unsur-unsur Islam yang bersesuaian untuk diintegrasikan dalam kaunseling seperti doa, membaca al-Quran, solat dan juga berselawat. Hal ini jelas menunjukkan terdapat keperluan dan cara yang khusus dalam Islam untuk memasukkan elemen-elemen agama dalam kaunseling.

Di Amerika pula telah pun wujud *Association for Spiritual, Ethical and Religious Values in Counseling* atau kependekannya ASERVIC yang ada dalam *American Counseling Association* (ACA) yang mana ASERVIC merupakan salah satu bahagian penting yang ada dalam ACA yang menunjukkan bidang kaunseling di Amerika memperuntukkan bahagian yang penting dari segi spiritual dalam kaunseling (Miller, 1999). Walaupun bahagian khas seperti ini belum lagi wujud di Malaysia dalam bentuk satu undang-undang, peraturan dan penjelasan yang khas yang memungkinkan latihan





menyeluruh diberikan kepada para kaunselor namun, negara kita yang kaya dengan budaya Timur yang kukuh dengan agama dan tradisi membuka ruang seluasnya untuk amalan kaunseling perspektif Islam berlangsung.

Hal ini kerana, kajian-kajian dalam negara kita telahpun menunjukkan dapatan yang positif berhubung kaunseling perspektif Islam ini seperti oleh kajian oleh Mazidah, Raja Zirwatul Aida dan Azlina (2015) yang menunjukkan terdapat integrasi yang sederhana antara agama dalam kalangan kaunselor. Menurut kajian ini lagi, integrasi agama dalam kalangan kaunselor boleh dipertingkat melalui latihan dan pendedahan yang berterusan dan ini merupakan satu permulaan yang baik untuk memformula satu amalan kaunseling dengan perspektif Islam yang lebih mantap. Kajian ini disokong oleh kajian Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa, Sulaiman Shakib Mohd Noor dan Ahmad Jazimin (2008) yang menyatakan pendekatan kaunseling Barat kini tidak lagi sesuai digunakan untuk menangani masalah kerohanian pelajar dan pendekatan menggunakan pendekatan Islam ini dilihat amat membantu para kaunselor dalam menangani masalah kerohanian klien.

Menelusuri lebih dalam kepentingan amalan kaunseling berperspektif Islam ini, statistik menunjukkan penganut Islam di Malaysia mencapai angka 61.3% (Wikipedia, 2014). Perkara ini menunjukkan keperluan besar untuk mengintegrasikan elemen Islam dalam amalan kaunseling yang mana telah pun diketahui elemen ini mampu membawa perubahan yang besar untuk membantu menangani masalah ummah masa kini (Amaludin, 2008). Bagi tujuan integrasi ini, sebenarnya telah ada beberapa pendekatan seperti

